



Ruj.Kami : Prk.ML.08/25-22 (27)
Tarikh : 28 Mac 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.H. Dato'/Tuan,

PEKELILING BERHUBUNG PENGHANTARAN FAIL INDIVIDU VESEL DAN KAD HIJAU BAGI VESEL-VESEL YANG TELAH DILULUSKAN PINDAH PANGKALAN TETAP

Adalah saya dengan segala hormatnya berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk kepada Dasar dan Prosedur Pelesenan Jabatan menyatakan permohonan pindah pangkalan tetap antara negeri dan kelulusan adalah melalui Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber, Ibu Pejabat Perikanan, Putrajaya.
3. Sehubungan itu, sekiranya permohonan pindah pangkalan tetap berkenaan mendapat kelulusan daripada Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber, Ibu Pejabat Perikanan, Putrajaya, Pejabat Perikanan Negeri (PPN) pangkalan asal vesel berkenaan **hendaklah menghantar fail individu dan kad hijau vesel berkenaan ke PPN pangkalan baru vesel berkenaan.**
4. Oleh yang demikian, perkara ini perlu diambil berat oleh semua PPN pangkalan asal vesel yang telah mendapat kelulusan pindah pangkalan tetap antara negeri bagi mengelakkan kerumitan kepada PPN pangkalan baru vesel berkenaan dalam mengemaskini maklumat vesel serta mengenal pasti status asal vesel tersebut.

5. Kerjasama dan tindakan dari pihak Y.H. Dato'/Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HAJI AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)

Ketua Pengarah

Jabatan Perikanan Malaysia

PUTRAJAYA

Az/Surat_Pekelling

s.k

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Operasi)

Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Pengarah Bahagian Perlindungan Sumber

Ketua Cawangan Perundangan

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

Semua Pegawai Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber

SENARAI EDARAN

Pengarah Perikanan Laut Sarawak

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Perikanan Negeri Melaka

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Pengarah Perikanan W.P Labuan